

**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN**

**DI MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2017
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**16 JANUARI 2017 (ISNIN)
DEWAN SERBAGUNA
ARAS 2, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

ALUAN

YB Datuk Ab Aziz Kaprawi,
Timbalan Menteri

Y.Bhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Hj. Kasim,
Ketua Setiausaha Kementerian

Y.Bhg. Datuk Ruhaizah Muhammad Rashid,
Timbalan Ketua Setiausaha

Y.Bhg. Dato' Chua Kok Ching,
Timbalan Ketua Setiausaha

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pengangkutan/Jabatan/Agensi

Seluruh warga Kementerian Pengangkutan dan Jabatan serta agensi di
bawah Kementerian Pengangkutan yang dihormati sekalian

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Selamat Pagi kepada semua

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2017 kepada warga MOT serta semua jabatan dan agensi.
2. Adalah menjadi harapan saya agar tahun baru ini akan menjadi tahun yang lebih baik untuk kita semua.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga MOT dan Jabatan serta Agensi di bawah MOT yang hadir pada perhimpunan bulanan kali ini.
4. Penghargaan juga saya kepada Bahagian Pembangunan selaku penganjur perhimpunan bulanan 1MOT untuk bulan Januari 2017.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

MENGIMBAU 2016

5. Tahun 2016 yang baru sahaja berlalu sememangnya satu tahun yang amat mencabar bagi kita semua bukan sahaja rakyat Malaysia, malah dunia secara keseluruhannya.
6. Ketidaktentuan ekonomi global dan kejatuhan mendadak harga komoditi terutamanya harga minyak dunia telah mengakibatkan kemerosotan pasaran global serta kejatuhan nilai mata wang utama dunia.

7. Selain daripada itu, 2016 juga menyaksikan dunia terus diancam dengan ancaman serangan pengganas yang semakin berleluasa selain ketidaktentuan dari segi ekonomi, sosial mahupun politik.
8. Namun begitu, kita bersyukur kerana walaupun Malaysia tidak terkecuali dalam merasai kesan ketidaktentuan sebegini, kita telah berjaya mengharungi cabaran-cabaran getir 2016 ini dengan baik.
9. Ini disebabkan oleh pelbagai program dan inisiatif yang dirangka dan dilaksanakan bagi tujuan meringankan beban rakyat dalam waktu-waktu mencabar sebegini.
10. Selain daripada itu, keutuhan semangat perpaduan dan toleransi yang dinikmati rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, pegangan agama dan fahaman ideologi turut menyumbang kepada kestabilan negara.
11. Inilah yang menjadi kekuatan serta keunikan negara kita yang tercinta dan kita perlu berganding bahu bersama-sama memelihara dan mengekalkannya dalam usaha kita untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

PENCAPAIAN MOT DALAM TAHUN 2016

Warga MOT sekalian,

12. Menyingkap kembali tahun 2016, pelbagai kejayaan dan pencapaian cemerlang telah berjaya kita capai dalam usaha berterusan kita bagi memberikan perkhidmatan sebaik mungkin kepada rakyat.

13. Seiring dengan aspirasi kerajaan bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, Malaysia kini berada di puncak dalam memperkasa ekosistem pengangkutan negara terutama di kawasan bandar-bandar utama.
14. Kerajaan sentiasa sedar akan tanggungjawabnya bagi meningkatkan sistem pengangkutan awam yang cekap dan efisien melalui penambahbaikan infrastruktur pengangkutan yang mampan, selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP).
15. 2016 merupakan satu tahun yang rancak bagi pelbagai projek infrastruktur pengangkutan untuk kepentingan masa hadapan yang telah mula dilaksanakan dan sebahagian daripadanya telah pun memulakan operasi.
16. Antaranya termasuk pengoperasian LRT sambungan (LRT2) di antara jajaran Kelana Jaya dan Ampang bermula pada bulan Jun yang lepas.
17. Selain itu, kita turut berbangga dengan projek MRT Sungai Buloh - Kajang yang telah berjaya disiapkan dengan pembukaan laluan fasa I Sungai Buloh – Semantan pada 16 Disember 2016. Manakala, laluan selebihnya dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan tahun ini.
18. Beberapa projek mempertingkatkan pengangkutan awam bandar seperti LRT3 yang bakal menghubungkan Bandar Utama, Petaling Jaya dengan Bandar Klang telah dilancarkan pada 2016.

19. Projek sepanjang 37km dengan 26 buah stesen ini dijangka siap pada tahun 2020 akan menghubungkan lebih daripada 2 juta penduduk di sekitar lembah Klang.
20. Tahun lalu juga menyaksikan pelancaran sebuah lagi projek mega pengangkutan awam iaitu MRT2 yang akan menghubungkan Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya yang dijangka siap pada tahun 2022.

Hadirin sekalian,

21. Kita semua sedia maklum pada awal 2013, Malaysia dan Singapura secara rasminya bersetuju untuk membina keretapi berkelajuan tinggi antara Kuala Lumpur dan Singapura yang dijangka siap dan mula beroperasi pada tahun 2026.
22. Dengan adanya keretapi ini, perjalanan antara Kuala Lumpur ke Singapura dianggarkan hanya akan mengambil masa 90 minit.
23. Perjanjian MOU HSR telah dimeterai pada 19 Julai 2016 dan pada 13 Disember yang lalu, Malaysia dan Singapura secara rasminya menandatangani perjanjian pelaksanaan projek Keretapi Berkelajuan Tinggi tersebut.
24. Projek yang dijangka bermula pada tahun 2018 dijangka siap pada tahun 2026. Pembinaan HSR itu membabitkan landasan sepanjang 350 kilometer dengan 15 kilometer di Singapura dan 335 kilometer di Malaysia.

25. Industri rel negara turut dirancakkan lagi dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada tahun lalu berhubung pembinaan projek Keretapi Pantai Timur atau *East Coast Rail Link* (ECRL) yang akan menghubungkan Tumpat dengan Kuala Lumpur.
26. Projek sepanjang 620km ini akan menggunakan landasan berkembar untuk keretapi elektrik (Electrified Double Track) ini bakal menjadi mercu tanda baru negara yang akan merancakkan ekonomi negara terutama di negeri-negeri pantai timur semenanjung.

Warga MOT sekalian,

27. Sungguhpun projek-projek ini bukanlah di bawah kendalian Kementerian secara langsung, namun kita memainkan peranan yang begitu penting dalam memastikan kesemua projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan sempurna untuk kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat.
28. Menyentuh tentang kemudahan dan keselesaan untuk rakyat, beberapa kemudahan Park 'n' Ride di beberapa lokasi utama termasuk Taman Paramount, Taman Bahagia Fasa 2, Taman Jaya, Nilai dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang menyediakan lebih daripada 1,500 ruang letak kereta telah siap diselesaikan oleh MOT pada tahun lalu bagi memenuhi matlamat untuk memudahkan kesalinghubungan awal perjalanan (*first mile*).
29. Selain daripada itu, bagi menyokong inisiatif rangkaian bas henti-henti di lembah Klang, Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan

pembinaan Hentian Akhir Bandar (HAB) yang merupakan salah satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bertujuan untuk meningkatkan peratus penggunaan pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian.

30. Dalam pada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan saya dan ucapan tahniah buat pasukan petugas logistik kebangsaan (NLTF) yang ditubuhkan pada tahun lalu di atas pencapaian 85% daripada *action items* di bawah fasa I pelan induk logistik telah berjaya dicatatkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

31. Komitmen kementerian juga tidak hanya terhad kepada pembangunan prasarana dan infrastruktur sektor darat semata-mata.
32. Industri penerbangan awam merupakan salah satu industri yang memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan menghubungkan negara ke pasaran global.
33. Pelbagai projek dan pembangunan prasarana bagi sektor ini telah berjaya dicapai dalam tahun 2016 termasuk penaiktarafan lapangan terbang Miri, Sarawak bagi memastikan keselesaan penumpang terjamin.
34. Selain daripada itu, Inisiatif Runway to Success 2020 yang merupakan pelan strategik pihak operator lapangan terbang *Malaysia Airports Holding Berhad* bagi memberi gambaran keseluruhan

pembangunan berterusan Lapangan Terbang bagi 2016-2020 bakal menjadi sebuah lagi mercu tanda kejayaan negara.

35. Ini bakal direalisasikan dengan pelancaran projek KLIA Aeropolis berkonsepkan bandar raya lapangan terbang yang dijangka siap pada 2020.
36. Dalam komitmen berterusan Malaysia bagi memastikan industri penerbangan bersaing seiring dengan pasaran global, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) yang telah mula beroperasi sejak 1 Mac 2016 sebagai badan kawal selia bebas.
37. Selain daripada itu, saya juga cukup gembira apabila Rang Undang-Undang (RUU) bagi penubuhan Lembaga Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah diluluskan oleh parlimen pada tahun lalu.
38. Kita menjangkakan CAAM akan mula beroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun ini.
39. Lebih penting lagi, dalam tahun 2016, seperti yang kita semua maklum, kementerian melakar satu lagi kejayaan besar di peringkat global dalam sektor udara apabila sekali lagi berjaya dipilih bagi menduduki kerusi ahli majlis Perubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) bagi penggal ke-4 berturut-turut.
40. Kejayaan ini merupakan sesuatu yang amat dibanggakan kerana suara Malaysia diiktiraf dalam majlis tertinggi penerbangan awam global.

41. Malah, kita juga turut berbangga apabila Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, Dato' Sri Azharuddin Abdul Rahman telah dipilih sebagai Presiden Majlis ke-39 Pertubuhan terbabit pada September yang lalu.
42. Ini mencerminkan keyakinan pihak global terhadap kebolehan dan pencapaian Malaysia dalam sektor ini.

Para hadirin,

43. Saya juga cukup gembira dengan pencapaian demi pencapaian yang dilakar oleh MOT termasuk di dalam sektor maritim.
44. Tahun 2016 juga adalah merupakan tahun yang cemerlang bagi sektor pelabuhan dengan pencapaian keseluruhan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia bagi pengendalian kontena (TEUs) menunjukkan peningkatan sebanyak hampir 2.2%.
45. Pelabuhan Klang, selaku pelabuhan utama Malaysia telah mencatatkan prestasi pertumbuhan yang memberangsangkan di dalam mengendalikan kontena iaitu peningkatan sebanyak 10.8% ataupun 13.17 juta TEU's.
46. Kedudukan Pelabuhan Klang di dalam liga pelabuhan kontena dunia juga dijangka berpeluang untuk naik daripada tangga ke-12 pada tahun 2015 ke tangga ke-11 pada tahun lepas mengatasi Pelabuhan Rotterdam di Belanda.

47. Ini adalah selari dengan hasrat dan visi Kementerian untuk melihat pelabuhan negara tergolong di antara 10 yang terbaik di dunia menjelang tahun 2020.
48. Untuk itu, syabas dan tahniah saya ucapkan. Semoga ini menjadi pemangkin kepada Pelabuhan Klang untuk mencapai kejayaan yang lebih baik di masa depan serta bagi pelabuhan lain untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan masing-masing.

2017 Tahun yang getir

PENGURUSAN KEMENTERIAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, warga MOT sekalian,

49. Seperti yang saya tekankan di awal ucapan saya tadi, tahun baru 2017 ini merupakan tahun yang lebih dan amat mencabar buat kita semua.
50. Dengan ketidaktentuan dalam pasaran global dan ekonomi dunia, kita perlu bersiap sedia bagi memastikan visi, misi dan tanggungjawab kita dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa sebarang kekangan.
51. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kerana daripada **2.3 billion ringgit** telah diperuntukan kepada Kementerian Pengangkutan untuk melaksanakan projek pembangunan, MOT telah berjaya membelanjakan **96.2%**, melebihi sasaran KPI **95%**.

PERUNTUKAN PEMBANGUAN MOT TAHUN 2017

52. Kerajaan di dalam Bajet 2017 telah memperuntukkan sebanyak **3.16 billion ringgit** kepada Kementerian Pengangkutan bagi melaksanakan hampir 50 projek-projek pembangunan.
53. Antaranya termasuk: -
- Merekabentuk dan membina baru Jejantas Motosikal dan Pejalan Kaki Merentasi Landasan Keretapi Di Sektor Klang Valley Double Track (KVDT)
 - Kerja-kerja awalan bagi projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi
 - Pemasangan *Autogate* Di Jeti Penumpang Kuah Dan Kuala Perlis
54. Oleh itu, besar harapan saya agar kita dapat melaksanakan kesemua projek ini dengan baik untuk kesejahteraan dan faedah rakyat.
55. Pada tahun ini juga, beberapa projek bagi menaiktaraf lapangan terbang turut telah diberi pertimbangan dan kelulusan oleh Kerajaan bagi memberi kelesesaan dan keselamatan kepada penumpang.
56. Antaranya termasuk Pembesaran Dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Pemanjangan Landasan Terbang Dan Kerja-Kerja Berkaitan Lapangan Terbang Sandakan serta Pengambilan Tanah Bagi Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Hadirin sekalian,

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA
LIMA'17**

57. Beberapa persidangan dan pameran bertaraf antarabangsa bakal dihoskan oleh MOT pada tahun ini termasuk kali kedua kita terlibat secara langsung dalam penganjuran LIMA'17 yang dijangka berlangsung pada 21 – 25 Mac ini.
58. Peranan yang akan dimainkan oleh MOT kali ini adalah lebih besar dan memerlukan kerjasama dari Jabatan dan agensi serta industri yang terlibat dalam sektor pengangkutan udara dan maritim.
59. Kementerian kini sedang giat membuat persiapan serta kerja-kerja koordinasi bagi memastikan aktiviti-aktiviti dan program-program berjalan lancar.
60. Saya berharap LIMA '17 mampu melonjak dan menonjolkan imej dan sumbangan MOT di kalangan pihak-pihak berkepentingan dan rakyat secara amnya.
61. Ini merupakan satu platform yang amat baik buat kita dalam mempromosikan sektor-sektor udara dan maritim yang menekankan peranan kita sebagai enabler kepada pembangunan negara menjelang 2020.

FIATA 2017

62. Selain daripada itu, MOT juga bakal menghoskan persidangan FIATA 2017 di Kuala Lumpur pada akhir tahun ini. Ini sudah semestinya memerlukan banyak perancangan rapi dan kerjasama semua pihak.
63. Persidangan ini penting seiring dengan hala tuju kementerian untuk merencanakan industri logistik negara kita supaya setanding dengan negara-negara maju lain dalam usaha kita mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.
64. Saya harap semua pihak dapat memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi bagi menjayakan kedua-dua persidangan antarabangsa yang berprestij ini.

Warga MOT sekalian,

MAJLIS INTERNATIONAL MARITIME ORGANIZATION (IMO)

65. Kita semua sedia maklum bahawa Malaysia mula menduduki kerusi Majlis International Maritime Organisation (IMO) semenjak tahun 2005 dan telah mengekalkan kerusi tersebut bagi enam (6) penggal berturut-turut.
66. Dan pada tahun ini, Malaysia sekali lagi akan bertanding bagi merebut kerusi tersebut bagi penggal 2018-2019 di IMO General Assembly yang dijangka diadakan pada akhir tahun ini.

67. Selaku Ahli Majlis IMO, Malaysia terlibat secara aktif di dalam merangka dan memutuskan dasar-dasar serta program IMO dalam hal ehwal maritim.
68. Amatlah besar harapan saya agar semua strategi dan program yang telah disusun dapat dilaksanakan bagi memastikan Malaysia berjaya mengekalkan kerusi Ahli Majlis IMO tersebut.
69. Dalam hal ini, kementerian telah mengambil langkah proaktif di dalam merangka perundangan maritim mahupun dasar berkaitan maritim.
70. Pada tahun ini, kementerian dijangka akan membentangkan Rang Undang-undang (RUU) perkapalan yang baru bagi meminda struktur pendaftaran kapal Malaysia bagi menarik lebih banyak kapal asing berdaftar di bawah bendera Malaysia.
71. Selain itu, kementerian bercadang melancarkan Malaysia Shipping Master Plan (MSMP) di Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) 2017.
72. MSMP dijangka akan memberi impak positif kepada industri perkapalan yang agak perlahan berikutan kelembapan ekonomi global.

HARAPAN TAHUN 2017

Warga MOT sekalian,

73. Akhir kata, saya berharap agar semua cabaran, dugaan dan ujian yang telah kita hadapi pada tahun yang lalu dapat dijadikan sebagai pengalaman dan kekuatan untuk kita mengorak langkah lebih jauh.
74. Kejayaan hanya boleh dikecapi melalui usaha dan pengalaman. Marilah kita semua di semua peringkat bekerjasama, berganding bahu dan bermuafakat bagi menempuh tahun 2017 yang penuh dengan cabaran dan saingan.
75. Kepada pegawai dan kakitangan yang berpindah keluar saya ucapkan ribuan terima kasih atas komitmen yang dicurahkan di kementerian ini dan bagi yang berpindah masuk, saya berharap agar anda dapat bersama-sama menjayakan semua perancangan kementerian pada tahun 2017 ini.

Sekian

Terima kasih